

A COMPARATIVE CROSS SECTIONAL STUDY ON THE KNOWLEDGE, ATTITUDE AND PRACTICE OF THE COMMUNITY TOWARDS COMMUNITY BASED REHABILITATION PROGRAMME FOR CHILDREN WITH SPECIAL NEEDS IN THE DISTRICT OF KOTA BHARU, KELANTAN, 1998

KAJIAN PERBANDINGAN PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN PENDUDUK TENTANG PERKHIDMATAN PEMULIHAN DALAM KOMUNITI UNTUK KANAK-KANAK KEPERLUAN KHAS DI DAERAH KOTA BHARU, KELANTAN, 1998

Nik Rubiah Nik Abdul Rashid, Khadijah Shamsuddin

ABSTRACT

A comparative cross sectional study was conducted on the knowledge, attitude and practice (KAP) of the community towards community based rehabilitation (CBR) programme for children with special needs in the district of Kota Bharu, Kelantan in September 1998. The study samples comprised of 150 respondents from Wakaf Che Yeh Health Centre where CBR programme was available and 150 respondents from Pengkalan Cepa Health Centre where there was no CBR programme. The respondents aged between 18 years to 64 years old. Comparison of the KAP of these two communities is important to improve the CBR programme whereby community participation is an important component. Positive knowledge and attitude as well as active community participation in the CBR programme will ensure the effectiveness and sustainability of the programme. Pretested guided questionnaires were used to measure the KAP of the community towards CBR programme. The hypothesis of the study was that the KAP of the community where CBR programme was available was better than the KAP of the community without the CBR programme. The study revealed that there was significant relationship between the knowledge, attitude and practice of the communities in the two study areas ($p < 0.05$). It was found that knowledge and attitude of respondents in area without CBR was better than that of respondents in area with CBR. However participation in activities for the handicapped was better among respondents in area with CBR. Multivariate analysis revealed that the existence or non-existence of CBR programme does not affect the knowledge, attitude and practice of the community ($p > 0.05$). However, risk factors for low knowledge and negative attitudes on CBR were low educational status, housewife and absence of car; women have less negative attitudes toward CBR for children with special needs compared to men. These differences are statistically significant. After controlling for all the other factors it was found that being married is a risk factor for low involvement in rehabilitation activities, whereas those with low educational status and having contact with the handicapped were found to be protective. These differences are statistically significant. Based on these findings, it is hoped that the knowledge, attitude and community participation in CBR programme for children with special needs can be further improved and enhanced by special emphasis on these positive predictive risk factors.

ABSTRAK

Satu kajian irisan lintang perbandingan mengenai pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat terhadap program pemulihan dalam komuniti bagi kanak-kanak keperluan khas telah dijalankan di daerah Kota Bharu, Kelantan pada bulan September 1998. Sampel kajian ialah 150 orang responden dari Klinik Kesihatan Wakaf Che Yeh, kawasan yang ada program pemulihan dalam komuniti (PDK) bagi kanak-kanak keperluan khas (KKK) dan 150 orang responden dari Klinik Kesihatan Pengkalan Cepa, kawasan yang tiada program pemulihan dalam komuniti. Responden berumur dalam lingkungan umur 18 tahun hingga 64 tahun. Perbandingan pengetahuan, sikap dan amalan (PSA) dua komuniti ini penting untuk meningkatkan program PDK yang mana penglibatan komuniti adalah komponen penting. Pengetahuan dan sikap positif terhadap PDK serta penglibatan aktif komuniti akan menjamin keberkesanan dan kesinambungan program ini. Status PSA komuniti diukur dengan menggunakan borang soal selidik berpandu yang telah diprauji. Hipotesis dalam kajian ini adalah PSA komuniti yang ada PDK adalah lebih tinggi atau lebih baik berbanding PSA komuniti yang tiada PDK. Dari hasil kajian ini didapati terdapat perbezaan yang bermakna di antara pengetahuan, sikap dan amalan responden di kawasan yang ada PDK berbanding kawasan yang tiada PDK ($p < 0.05$). Pengetahuan dan sikap responden di kawasan yang tiada PDK adalah lebih baik daripada responden di kawasan yang ada PDK ($p < 0.05$). Tetapi amalan atau penglibatan responden dalam aktiviti pemulihan kanak-kanak cacat adalah lebih baik di kawasan yang ada PDK ($p < 0.05$). Ujian regresi logistik terlaras mendapati, faktor PDK, sama ada ia wujud atau tidak, tidak mempengaruhi pengetahuan, sikap dan amalan responden terhadap PDK. Setelah dikawal faktor-faktor lain, didapati faktor risiko untuk berpengetahuan rendah serta bersikap negatif terhadap PDK ialah taraf pendidikan rendah, surirumah dan tiada kereta dan wanita didapati kurang mempunyai sikap negatif terhadap PDK untuk KKK berbanding lelaki. Perbezaan ini bermakna secara statistik. Setelah dikawal faktor-faktor lain, didapati faktor risiko untuk kurang penglibatan dalam aktiviti pemulihan kanak-kanak cacat ialah taraf perkahwinan sementara mereka yang bertaraf pendidikan rendah dan yang mempunyai hubungan dengan golongan cacat adalah protektif. Perbezaan ini adalah bermakna secara statistik. Secara kasar didapati tiada PDK mempengaruhi kurang penglibatan dalam aktiviti pemulihan kanak-kanak cacat tetapi apabila dikawal faktor-faktor lain didapati faktor PDK tidak lagi mempengaruhi penglibatan dalam aktiviti pemulihan kanak-kanak cacat. Oleh itu adalah diharapkan, pengetahuan, sikap serta penglibatan komuniti dalam program pemulihan dalam komuniti untuk kanak-kanak keperluan khas dapat diperbaiki dan dipertingkatkan lagi dengan memberi penekanan-penekanan khusus kepada faktor-faktor peramal dan pembolehubah-pembolehubah yang mempunyai korelasi positif.